

GARIS PANDUAN KELULUSAN PERMOHONAN APLIKASI MUDAH ALIH DI GALERI APLIKASI MUDAH ALIH KERAJAAN MALAYSIA (GAMMA)



PENGENALAN

Sebagai peneraju statistik negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terus komited dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan digital sektor awam. Siri kedua newsletter ini memperkenalkan garis panduan yang berperanan dalam menetapkan standard, keperluan teknikal, serta proses kawal selia yang perlu dipatuhi oleh semua agensi kerajaan dalam menerbitkan aplikasi mudah alih.

Apa Itu GAMMA?



GAMMA ialah platform rasmi Kerajaan Malaysia untuk menempatkan aplikasi mudah alih kerajaan yang telah melalui proses semakan keselamatan, pematuhan dasar, dan kualiti. Tujuannya adalah memastikan aplikasi kerajaan yang diterbitkan adalah **selamat, dipercayai, dan sah**.



Siapa yang bertanggungjawab?



Agensi Penyedia Perkhidmatan / Pemilik Sistem
bertanggungjawab atas pembangunan aplikasi



Jabatan Digital Negara (JDN)
bertanggungjawab membuat semakan, kelulusan dan pengurusan platform GAMMA

Fungsi GAMMA



Menyediakan platform dalam talian untuk Agensi Pelaksana menerbitkan App Kerajaan



Menjadi pemudah cara bagi penghasilan App



Menyediakan kemudahan capaian dan carian tunggal ke atas App Kerajaan



Jenis Permohonan GAMMA

1

Muat naik App baharu

Memohon untuk muat naik App ke Portal GAMMA dan Gudang Aplikasi menggunakan akaun Kerajaan Malaysia

2

Kemas kini versi App sedia ada

Mengemas kini versi App sedia ada di Portal GAMMA dan Gudang Aplikasi

3

Penamatan App sedia ada GAMMA

Memohon untuk nyahaktif App sedia ada di Portal GAMMA dan Gudang Aplikasi

4

Pemindahan pemilikan Akaun langganan Gudang Aplikasi ke Akaun Kerajaan Malaysia

Memohon untuk memindahkan pemilikan Akaun App sedia ada di Gudang Aplikasi dari Akaun Agensi Pelaksana atau Kontraktor Agensi Pelaksana ke akaun Kerajaan Malaysia

Proses Permohonan App Baharu GAMMA

1

Daftar akaun pentadbir agensi melalui portal GAMMA.

Bangunkan aplikasi mematuhi garis panduan serta piawaian keselamatan.

2

3

Muat naik aplikasi, dapatkan semakan dan pengesahan JDN.

Promosikan aplikasi menggunakan badge GAMMA dalam hebahan digital.

4

5

Pantau penggunaan & maklum balas aplikasi secara berkala.



Tempoh Proses Permohonan GAMMA



Kesimpulan

Garis Panduan GAMMA bukan sekadar dokumen kawal selia, tetapi merupakan asas penting dalam memastikan aplikasi mudah alih kerajaan dibangunkan secara selamat, berkualiti dan bertanggungjawab. Pemantapan garis panduan ini juga menyokong aspirasi Kerajaan Malaysia untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan digital yang mesra rakyat, dipercayai dan berimpak tinggi.

Bantuan & Sokongan

JDN menyediakan meja bantuan teknikal serta sesi taklimat untuk agensi yang memerlukan bantuan membangunkan atau mengemas kini aplikasi melalui GAMMA.

Pautan Garis Panduan:

<https://gamma.malaysia.gov.my/circulars>



SEKSYEN APLIKASI PRIMER
 Bahagian Pengurusan Maklumat
 Jabatan Perangkaan Malaysia
 (03 – 8885 7644 | * primer.dev@dosm.gov.my)